

Dua penagih dadah tegar dijatuhi hukuman penjara dan sebat

KUCHING: Dua lelaki yang berulang kali menyalahgunakan Amphetamine dan Methamphetamine masing-masing dijatuhi hukuman penjara lima tahun dua bulan dan lima tahun tiga bulan serta dua sebatan di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Dalam menjatuhkan hukuman, Hakim Iris Awen Jon memerintahkan Vincent Anong Win, 37, dan Nur Muhamaad Zaitul Ikhmal Reki, 27, untuk menjalani pengawasan polis selama dua tahun selesai menjalani hukuman, selari dengan Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Kedua-dua tertuduh yang mengaku bersalah dalam prosiding berasingan di hadapan Iris semalam masing-masing didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39C (1) akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara minimum lima tahun dan maksimum tujuh tahun dan tidak lebih tiga sebatan.

Iris memerintahkan Vincent untuk dipenjarakan lima tahun dua bulan berserta dua sebatan sementara Nur Muhamaad dijatuhi hukuman



DIHUKUM: Vincent diiring polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen semalam selesai dijatuhkan hukuman. — Gambar Roystein Emmor


penjara lima tahun tiga bulan berserta dua sebatan.

Mengikut pertuduhan, Vincent didakwa menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine dan pada masa sama turut mempunyai tiga rekod sabitan lampau di bawah Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952, semua dilakukannya pada tahun 2023.

Dia didakwa melakukan

kesalahan itu pada jam 10.15 malam, di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Daerah (IPD) Serian pada 11 Oktober 2024.

Sementara Nur Muhamaad didakwa menyalahgunakan Amphetamine dan Methamphetamine pada 21 Januari 2025 sekitar jam 3.25 petang di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD



KE PENJARA: Nur Muhamaad diiring pegawai penjara ketika berada di hadapan kamar Mahkamah Sesyen semalam. — Gambar Roystein Emmor

Kuching.

Dia mempunyai dua rekod sabitan lampau pada 2024 bagi kesalahan sama di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952.

Kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Pendakwaan dikendalikan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Ruvinasini Pandian dan DPP Chuah Kai Sheng.